



SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI PERAK SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Komuniti Mesra Warga Emas : Memperkasa Negeri
Perak Menghadapi Warga Menua”

31 JULAI 2025

**DEWAN UTAMA, KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM),
BANDAR MERU JAYA IPOH, PERAK**





Disediakan oleh:

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA NEGERI PERAK

18 September 2025

Telefon : 05- 2410842/ 05-2410143

Fax : 05- 2410873

Emel : lppknprk@lppkn.gov.my

Facebook : LPPKN Perak

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	4
2.0 UCAPAN ALUAN	6
3.0 UCAPAN PERASMIAN.....	8
4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	11
Kertas Kerja 1: “Transisi Demografi Negeri Perak: Impak Penuaan Penduduk”	11
Kertas Kerja 2: “Komuniti Mesra Warga Emas: Peranan Majlis Perbandaran Dalam Perancangan Bandar Inklusif”	12
Kertas Kerja 3: “Kesunyian dan Pengasingan Sosial Dalam Kalangan Warga Emas: Suatu Kajian di Negeri Perak”	13
5.0 FORUM SEMINAR KEPENDUDUKAN TAHUN 2025: “Komuniti Mesra Warga Emas: Memperkasa Negeri Perak Menghadapi Warga Menua”	14
6.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK.....	23
7.0 MAKLUM BALAS PESERTA	26

1.0 PENDAHULUAN

Perak merupakan antara negeri yang sedang berdepan dengan perubahan demografi yang signifikan dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Walaupun negeri ini kekal sebagai penyumbang penting dalam sektor perindustrian, perkhidmatan, pertanian dan pelancongan, pola pertumbuhan penduduknya menunjukkan cabaran baharu yang wajar diberi perhatian serius. Berdasarkan Laporan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2025 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Perak mencatatkan peratusan warga emas (60 tahun dan ke atas) yang tertinggi iaitu 15.3% dan indikator ini sekali gus mengklasifikasikan Perak sebagai negeri menua. Fenomena ini selaras dengan trend penuaan penduduk di Malaysia dan dijangka memberi implikasi besar terhadap struktur umur, saiz isi rumah, pasaran buruh, sistem kesihatan serta penyediaan kemudahan sosial pada masa hadapan.

Antara faktor yang menyumbang kepada situasi ini termasuklah penurunan kadar kesuburan, kelewatan dalam perkahwinan, peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran kerja, perubahan aspirasi keluarga muda serta kos sara hidup yang semakin meningkat. Walaupun faktor-faktor ini membawa manfaat dari segi pemerksaan wanita, pembangunan modal insan dan peningkatan kualiti hidup, ia turut menuntut perhatian dasar yang lebih inklusif dan mampan agar keseimbangan demografi dapat dikekalkan. Sehubungan itu, penganjuran **Seminar Kependudukan Negeri Perak 2025** bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia adalah amat bertepatan pada masanya. Seminar anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Perak dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Ipoh ini bertemakan “**Komuniti Warga Emas: Memperkasa Negeri Perak Menghadapi Warga Menua**”, menjadi wadah perbincangan penting bagi meneliti cabaran demografi serta merangka strategi dan intervensi terbaik demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian pembangunan negeri.



SEMINAR KEPENDUDUKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA NEGERI PERAK 2025

"Komuniti Mesra Warga Emas : Memperkasa Negeri Perak
Menghadapi Warga Menua"

**DISEMPURNAKAN OLEH
YB DATO' SALBIAH MOHAMED**

PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA, KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI NEGERI PERAK

31 JULAI 2025 | KHAMIS | 8.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
DEWAN UTAMA, KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM),
BANDAR MERU RAYA IPOH, PERAK

RAKAN
STRATEGIK



KPTM
KOLEJ POLY-TECH MARA



MALAYSIA
MADANI

2030
PERAK
SEJANTERA

Objektif seminar adalah untuk mengupas secara menyeluruh isu dan cabaran dinamika kependudukan semasa, seterusnya menghasilkan cadangan strategik yang dapat dijadikan input oleh Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan lain dalam merangka dasar, program intervensi, serta inisiatif komuniti yang bersesuaian. Seminar Kependudukan ini juga turut menjadi platform pertemuan antara penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik, agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelajar dalam usaha bersama memanfaatkan peluang daripada perubahan trend penduduk untuk kesejahteraan Negeri Perak.

2.0 UCAPAN ALUAN

YBhg. Dato Sri Hajah Rohani Abdul Karim, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), telah menyampaikan ucapan alu-luan seminar. Beliau dalam ucapannya menekankan bahawa Negeri Perak perlu segera menyediakan satu pelan tindakan bersepadu dan komprehensif bagi menghadapi cabaran penuaan penduduk yang semakin ketara, dengan memberi tumpuan khusus kepada pengukuhan dasar pembangunan keluarga, penyediaan kemudahan penjagaan warga emas yang mesra komuniti, serta memperkukuh sistem sokongan sosial antara generasi. Beliau turut mencadangkan agar dapatan kajian serta hasil perbincangan daripada seminar ini dijadikan rujukan utama dalam merangka polisi negeri yang lebih responsif terhadap perubahan demografi, di samping memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, institusi akademik, pihak swasta dan masyarakat sivil. Selain itu, beliau menggesa supaya usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai implikasi kependudukan diperluas melalui program pendidikan, kempen penerangan serta libat urus masyarakat, agar seluruh warga negeri Perak dapat bersedia dan bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi Negeri Perak kekal mapan dan inklusif.



“Peningkatan bilangan warga emas turut memberi kesan kepada struktur isi rumah dan komuniti. Lebih ramai golongan tua tinggal bersendirian atau memerlukan sokongan penjagaan jangka panjang, sekali gus menimbulkan keperluan kepada dasar penjagaan komuniti yang lebih responsif dan mesra warga emas.”

3.0 UCAPAN PERASMIAN

Ucapan perasmian telah di sampaikan oleh YB Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak.



“Dalam menghadapi realiti masyarakat menua, peranan institusi keluarga kekal sebagai asas paling penting dalam membina ketahanan sosial. Keluarga bukan sekadar tempat berlindung, tetapi wadah pertama yang menyemai nilai hormat kepada orang tua, kasih sayang merentas generasi dan sokongan antara satu sama lain.”

Dalam ucapan rasmi beliau menekankan bahawa isu penuaan penduduk di Negeri Perak perlu ditangani secara holistik dan terancang melalui pelaksanaan **Pelan Tindakan Perak Menua 2030** yang menekankan penyediaan perkhidmatan sokongan warga emas, pengukuhan dasar keluarga, serta pembangunan komuniti yang inklusif. Beliau mencadangkan penubuhan **Majlis Penasihat Warga Emas Negeri Perak** bagi memberi panduan strategik kepada kerajaan negeri, di samping memperluas pembangunan **pusat penjagaan berlesen yang berpatutan**, melaksanakan **integrasi sistem penjagaan jangka panjang**, dan merangka **skim galakan keluarga** untuk menyokong penjagaan warga emas di rumah. Selain itu, beliau turut menegaskan kepentingan **platform digital mesra warga emas** sebagai medium akses maklumat dan perkhidmatan, serta menyeru agar dasar kerja fleksibel, program keibubapaan dan advokasi tanggungjawab antara generasi diperluaskan supaya institusi keluarga terus berperanan sebagai asas utama penjagaan warga emas. Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat memperkukuh kesiapsiagaan negeri dalam menghadapi realiti demografi yang semakin mencabar, seterusnya memastikan kesejahteraan sosioekonomi rakyat Perak kekal mapan, inklusif dan mesra semua lapisan umur.



4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Untuk Sesi Pertama iaitu Pembentangan Kertas Kerja sebanyak tiga (3) kertas kerja telah dibentangkan dengan memberi pengkhususan kepada topik warga emas di negeri Perak.

Kertas Kerja 1: “Transisi Demografi Negeri Perak: Impak Penuaan Penduduk”

Oleh Encik Mohd Ridauddin bin Masud

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak



Kertas Kerja 2: “Komuniti Mesra Warga Emas: Peranan Majlis Perbandaran Dalam Perancangan Bandar Inklusif”

Oleh TPr Encik Syahrulnizam bin Baharom
Pengarah Perancangan dan Pembangunan Bandar
Majlis Perbandaran Taiping



Kertas Kerja 3: “Kesunyian dan Pengasingan Sosial Dalam Kalangan Warga Emas: Suatu Kajian di Negeri Perak”

Oleh Encik Chai Sen Tyng

Penyelidik MyAgeing Universiti Putra Malaysia (UPM)



Penemuan utama dan soroton penting daripada pembentangan ini adalah:

1. Fenomena *lonely death* dalam kalangan warga emas semakin membimbangkan, dikenali sebagai **Kodokushi** di Jepun dan **Godoksa** di Korea.
2. Fenomena penuaan penduduk atau *silver tsunami* menunjukkan bilangan warga emas semakin melebihi golongan muda.
3. Daerah Larut Matang dan Selama sedang mengalami pertumbuhan penduduk negatif.
4. Daerah Kampar mencatatkan peratusan penduduk menua tertinggi di Perak iaitu sebanyak 12.1%.
5. Taiping diiktiraf sebagai **Aged-Friendly City** di Negeri Perak.
6. Pelbagai kemudahan mesra warga emas dan OKU telah disediakan di beberapa kawasan PBT.
7. Dianggarkan 30–40% isi rumah di Perak mempunyai ahli keluarga dalam kalangan warga emas.

5.0 FORUM SEMINAR KEPENDUDUKAN TAHUN 2025: “Komuniti Mesra Warga Emas: Memperkasa Negeri Perak Menghadapi Warga Menua”

Seminar diteruskan dengan sesi forum seminar kependudukan, dengan kehadiran tiga (3) ahli panel jemputan. Sesi forum ini dijalankan sebanyak tiga (3) pusingan dan setiap panel diberikan 10 minit untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Moderator.

Moderator:

Encik Adzmel bin Mahmud

Pengarah

Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga (BPKK),

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Ahli Panel:

1. YB Puan Wong May Ing


Adun N.37 Pantai Remis

2. Puan Jamilah binti Zakaria

Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak
(Wanita Perak)

3. Prof. Madya Dr. Abdullah Sallehuddin bin Abdullah Salim

Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)



Sesi dimulakan dengan pertanyaan daripada Encik Adzmel bin Mahmud kepada YB Puan Wong May Ing diikuti Puan Jamilah binti Zakaria dan seterusnya Prof. Madya Dr. Abdullah Sallehuddin bin Abdullah Salim.

PUSINGAN PERTAMA: SENARIO PENUAAN PENDUDUK DI NEGERI PERAK

Soalan 1: Selaku Ahli Dewan Undangan Negeri yang peka terhadap perubahan struktur demografi, bagaimana YB melihat fenomena penuaan penduduk memberi kesan terhadap kelestarian pembangunan sosio-ekonomi Negeri Perak?

YB Puan Wong May Ing:

Saya berpandangan fenomena penuaan penduduk sebagai satu realiti demografi yang memberi kesan langsung kepada kelestarian pembangunan sosio-ekonomi Negeri Perak. Peningkatan bilangan warga emas bukan sahaja mempengaruhi struktur tenaga kerja dan produktiviti ekonomi, malah memberi tekanan kepada sistem kesihatan, perlindungan sosial serta jaringan sokongan komuniti.

Dalam jangka panjang, penyusutan kumpulan umur produktif boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri dan meningkatkan kebergantungan fiskal, sekiranya tiada persediaan rapi dibuat. Pada masa yang sama, kos penjagaan kesihatan dan keperluan penjagaan jangka panjang dijangka meningkat seiring pertambahan warga emas.

Namun, fenomena ini juga perlu dilihat sebagai peluang strategik, bukan semata-mata cabaran. Warga emas memiliki pengalaman, ilmu dan nilai yang boleh dimanfaatkan sebagai aset sosial dan ekonomi, khususnya melalui ekonomi penjagaan (*care economy*), pemindahan ilmu serta penglibatan aktif warga emas yang masih produktif.

Oleh itu, kelestarian pembangunan sosio-ekonomi Negeri Perak bergantung kepada sejauh mana kita mampu merangka dasar yang seimbang — melindungi kebajikan warga emas, sambil memperkasakan mereka sebagai sebahagian daripada ekosistem pembangunan negeri yang inklusif dan mampan.

Soalan 2: Dari sudut sosial dan komuniti, bagaimana kita boleh membentuk masyarakat yang lebih menghargai dan menyantuni warga emas - bukan hanya sebagai golongan yang memerlukan bantuan, tetapi sebagai sumber ilmu, pengalaman dan nilai budaya yang penting kepada pembinaan masyarakat?

Puan Jamilah binti Zakaria:

Dari sudut sosial dan komuniti, pembentukan masyarakat yang menghargai dan menyantuni warga emas di Negeri Perak memerlukan perubahan paradigma yang melihat warga emas bukan sekadar penerima bantuan, tetapi sebagai aset sosial dan pemegang nilai. Peningkatan bilangan warga emas serta isu kesunyian dan pengasingan sosial menuntut pendekatan yang melangkaui kebajikan semata-mata.

Pengukuhan institusi keluarga merupakan asas utama dalam menyantuni warga emas, khususnya dalam konteks saiz keluarga yang semakin kecil dan peningkatan golongan *sandwich generation*. Warga emas perlu terus dilibatkan dalam kehidupan keluarga sebagai sumber nasihat, pengalaman dan rujukan nilai.

Pada masa yang sama, peranan komuniti setempat seperti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), NGO dan persatuan penduduk perlu diperkasakan sebagai ruang interaksi sosial dan platform sumbangan warga emas kepada masyarakat. Warga emas yang masih sihat dan produktif wajar diberi peluang menyumbang melalui aktiviti sukarela, mentor-mentee dan pemindahan ilmu serta budaya.

Soalan 3: Dari sudut ekonomi, apakah kesan jangka panjang terhadap pasaran buruh dan produktiviti negeri sekiranya jumlah penduduk usia tua terus meningkat tanpa pelan mitigasi yang berkesan?

Prof. Madya Dr. Abdullah Sallehuddin bin Abdullah Salim:

Peningkatan penduduk usia tua tanpa pelan mitigasi yang berkesan akan memberi kesan struktur terhadap pasaran buruh dan produktiviti negeri. Penguncupan kumpulan umur produktif boleh menurunkan kadar penyertaan tenaga kerja, meningkatkan kos buruh serta menjejaskan daya saing ekonomi.

Dalam jangka panjang, peningkatan nisbah tanggungan warga emas juga akan memberi tekanan kepada perbelanjaan awam, khususnya dalam sektor kesihatan dan penjagaan jangka panjang, sekali gus menghadkan pelaburan dalam sektor produktif lain.

Namun, kesan ini boleh diimbangi sekiranya penuaan penduduk ditangani melalui dasar berasaskan bukti seperti pemanjangan usia bekerja secara bersasar,

peningkatan kemahiran tenaga kerja dan pembangunan ekonomi penjagaan (*care economy*), bagi mengekalkan produktiviti dan kelestarian ekonomi negeri.

PUSINGAN KEDUA: DASAR/PROGRAM TERKINI DAN IMPAKNYA KEPADA PENDUDUK

Soalan 1: Dalam aspek kesihatan awam, sejauh mana tahap kesiapsiagaan Kerajaan Negeri Perak dalam menampung keperluan warga emas, terutamanya dari segi pengurusan penyakit kronik, fasiliti mesra warga tua, serta penyediaan penjagaan jangka panjang yang berpatutan dan inklusif?

YB Puan Wong May Ing:

Dalam aspek kesihatan awam, saya melihat tahap kesiapsiagaan Kerajaan Negeri Perak berada pada peringkat sederhana dan masih memerlukan pengukuhan yang lebih menyeluruh, khususnya dalam menghadapi peningkatan bilangan warga emas. Dari segi pengurusan penyakit kronik, perkhidmatan asas seperti rawatan NCD telah tersedia di klinik kesihatan dan klinik desa, namun kapasiti fasiliti, tenaga pakar serta akses pengangkutan masih menjadi cabaran, terutamanya di peringkat daerah.

Dari sudut fasiliti mesra warga tua, beberapa inisiatif telah dilaksanakan, namun liputannya masih tidak menyeluruh dan perlu dipertingkatkan agar lebih inklusif serta mudah diakses oleh warga emas yang kurang mobiliti. Isu yang lebih kritikal ialah kekurangan perkhidmatan penjagaan jangka panjang yang berpatutan dan penjaga profesional, sedangkan keperluan ini semakin meningkat seiring pertambahan warga emas dan tekanan ke atas keluarga, khususnya golongan *sandwich generation*.

Justeru, saya berpandangan kesiapsiagaan negeri perlu diperkukuh melalui pendekatan bersepadu melibatkan kerajaan, sektor swasta, NGO dan komuniti, dengan penekanan kepada penjagaan komuniti, latihan penjaga profesional dan peluasan kemudahan kesihatan mesra warga emas agar tiada golongan yang tercicir.

Soalan 2: Dengan struktur keluarga moden yang semakin kecil dan ramai anak tinggal berjauhan atas tuntutan kerja, apakah sistem sokongan keluarga tradisional masih mampu berfungsi sebagai tunjang utama menjaga kebajikan ibubapa yang menua? Atau perlu ada pendekatan baharu yang lebih responsif?

Puan Jamilah binti Zakaria:

Dalam realiti semasa, struktur keluarga tradisional masih kekal sebagai asas penting dalam menjaga kebajikan ibu bapa yang menua, namun keupayaannya semakin terhad akibat saiz keluarga yang semakin kecil, migrasi anak ke luar daerah serta tuntutan kerja yang tinggi. Keadaan ini menjadikan sokongan keluarga sahaja tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan fizikal, emosi dan penjagaan jangka panjang warga emas.

Oleh itu, pendekatan baharu yang lebih responsif amat diperlukan. Ini termasuk pengukuhan sokongan komuniti, penyediaan perkhidmatan penjagaan jangka panjang berasaskan komuniti, latihan penjaga yang bertauliah serta kerjasama antara agensi kerajaan, NGO dan sektor swasta. Pendekatan ini tidak bertujuan menggantikan peranan keluarga, tetapi melengkapkan dan menyokong institusi keluarga agar kebajikan warga emas dapat dipelihara secara lebih mampan dan inklusif.

Soalan 3: Memandangkan semakin ramai warga emas masih bekerja selepas umur persaraan, adakah sistem perlindungan sosial dan keselamatan pekerjaan kita hari ini cukup bersedia untuk menyokong "*active ageing*" di negeri ini?

Prof. Madya Dr. Abdullah Sallehuddin bin Abdullah Salim:

Dari sudut akademik, fenomena *active ageing* menunjukkan perubahan positif dalam cara kita melihat penuaan, namun sistem perlindungan sosial dan keselamatan pekerjaan sedia ada masih belum sepenuhnya bersedia untuk menyokong realiti ini. Walaupun terdapat skim seperti KWSP dan PERKESO, reka bentuk sistem tersebut lebih tertumpu kepada pekerja formal dan kurang inklusif terhadap warga emas yang bekerja semula, bekerja sendiri atau terlibat dalam sektor tidak formal.

Selain perlindungan sosial, aspek keselamatan pekerjaan, fleksibiliti kerja dan perlindungan kesihatan di tempat kerja untuk warga emas juga masih terhad. Tanpa penyesuaian dasar dan persekitaran kerja yang sesuai, *active ageing* berisiko menjadi keperluan ekonomi semata-mata, bukan pilihan yang bermaruah dan selamat.

Oleh itu, bagi menyokong *active ageing* secara mampan, sistem sedia ada perlu ditambah baik melalui peluasan perlindungan kepada pekerja warga emas, penggalakan pekerjaan fleksibel, serta pengiktirafan warga emas sebagai tenaga kerja berpengalaman yang masih produktif dan berharga kepada pembangunan negeri.

PUSINGAN KETIGA: MASA HADAPAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Soalan 1: Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri Perak bagi membangunkan negeri yang mesra warga emas, sejajar dengan peralihan kepada Masyarakat menua menjelang 2030?

YB Puan Wong May Ing:

Dalam menghadapi peralihan Negeri Perak ke arah masyarakat menua menjelang 2030, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan perancangan jangka panjang yang bersepadu dan berpaksikan kesejahteraan warga emas. Fokus utama adalah memastikan pembangunan negeri kekal inklusif, berdaya tahan dan mesra warga emas tanpa menjejaskan keperluan generasi lain.

Antara keutamaan perancangan ialah pengukuhan perancangan bandar dan komuniti mesra warga emas, peningkatan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan penjagaan jangka panjang berasaskan komuniti, serta pengukuhan jaringan perlindungan sosial dan keselamatan kewangan. Pada masa yang sama, negeri turut memberi penekanan kepada pembangunan ekonomi penjagaan (*care economy*) dan penglibatan warga emas yang masih produktif sebagai aset sosial dan ekonomi.

Pendekatan ini dilaksanakan melalui kerjasama erat antara kerajaan negeri, agensi persekutuan, pihak berkuasa tempatan, institusi akademik dan NGO, bagi memastikan Perak bersedia menghadapi realiti masyarakat menua secara terancang, mampan dan berperikemanusiaan.

Soalan 2: Berdasarkan Apakah bentuk sinergi antara masyarakat, keluarga dan kerajaan yang diperlukan agar warga emas di Negeri Perak tidak terpinggir, khususnya yang hidup bersendirian atau tanpa sokongan anak?

Puan Jamilah binti Zakaria:

Bagi memastikan warga emas di Negeri Perak tidak terpinggir, khususnya mereka yang hidup bersendirian atau tanpa sokongan anak, sinergi yang kukuh antara keluarga, masyarakat dan kerajaan amat diperlukan. Ketiga-tiga pihak ini perlu berfungsi secara saling melengkapi, bukan beroperasi secara terasing.

Keluarga kekal sebagai teras utama sokongan emosi dan moral, namun dalam realiti semasa, peranan ini perlu disokong oleh masyarakat setempat. Komuniti seperti jiran, PAWE, NGO, masjid, persatuan penduduk dan kepimpinan akar umbi berperanan penting dalam mengenal pasti warga emas yang berisiko, menjalankan ziarah berkala serta menyediakan sokongan sosial harian.

Kerajaan pula bertindak sebagai penyelaras dan pemudah cara melalui penyediaan dasar, bantuan kewangan bersasar, perkhidmatan penjagaan berasaskan komuniti, latihan penjaga serta pengukuhan jaringan agensi. Sinergi ini membolehkan kebajikan warga emas ditangani secara lebih sistematik, berperikemanusiaan dan inklusif.

Kesimpulannya, apabila keluarga disokong oleh komuniti yang prihatin dan kerajaan yang responsif, barulah warga emas dapat hidup dengan lebih bermaruah dan sejahtera, tanpa rasa terpinggir walaupun berhadapan kekangan sokongan keluarga.

Soalan 3: Apakah Berdasarkan dapatan kajian dan tren semasa, apakah pendekatan dasar atau program inovatif yang boleh dicadangkan bagi memastikan penuaan penduduk di Negeri Perak dilihat sebagai potensi pembangunan dan bukan bebanan?

Prof. Madya Dr. Abdullah Sallehuddin bin Abdullah Salim:

Berdasarkan dapatan kajian dan tren semasa, penuaan penduduk di Negeri Perak perlu ditangani melalui pendekatan dasar yang melihat warga emas sebagai potensi pembangunan, bukan semata-mata bebanan fiskal atau sosial. Pendekatan ini memerlukan peralihan daripada dasar kebajikan kepada dasar pemerksaan.

Antara pendekatan yang boleh dipertimbangkan ialah pembangunan ekonomi penjagaan (*care economy*) dan ekonomi perak (*silver economy*), yang membuka peluang pekerjaan baharu dalam penjagaan, kesihatan, perkhidmatan sokongan dan keusahawanan warga emas. Di samping itu, program *active ageing* berasaskan

komuniti yang menggalakkan warga emas kekal aktif, bekerja secara fleksibel atau terlibat sebagai mentor dan sukarelawan perlu diperkasakan.

Dari sudut dasar, penyelarasan perancangan bandar mesra warga emas, peluasan perlindungan sosial yang lebih inklusif serta penggunaan teknologi kesihatan dan sosial boleh meningkatkan kualiti hidup warga emas dan mengurangkan kebergantungan jangka panjang. Dengan pendekatan berasaskan bukti dan inovasi sosial, penuaan penduduk boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial Negeri Perak secara mampan.

RUMUSAN MODERATOR

Moderator menegaskan bahawa isu penuaan penduduk perlu ditangani secara bersepadu melalui kerjasama kerajaan, komuniti dan keluarga. Pendekatan holistik yang merangkumi aspek ekonomi, kesihatan, sosial dan perlindungan kewangan amat penting bagi memastikan warga emas dapat hidup dengan bermaruah dan sejahtera.

SESI SOAL JAWAB

Soalan: Adakah relevan umur persaraan dilanjutkan kepada 65 tahun?

Jawapan: Relevan sekiranya dilihat kepada trend peningkatan warga emas dan keperluan mengekalkan tenaga kerja berpengalaman.

Penanya: En. Adzmel Mahmud

Panel Menjawab: Puan Jamilah Zakaria



6.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK

Cadangan kepada Kerajaan Negeri Perak bagi memperkasakan dan memperkukuhkan kesejahteraan warga emas di negeri Perak adalah seperti berikut:

1. **Memperkukuh Perancangan Negeri Menghadapi Penuaan Penduduk**

Kerajaan Negeri Perak perlu memperkukuh perancangan jangka sederhana dan panjang bagi menghadapi peningkatan pesat bilangan warga emas, selaras dengan trend *silver tsunami* dan pertumbuhan penduduk yang semakin perlahan di beberapa daerah.

2. **Memperluas Pembangunan Komuniti dan Bandar Mesra Warga Emas**

Konsep **Bandar dan Komuniti Mesra Warga Emas** diperluaskan ke lebih banyak kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dengan mengambil contoh pelaksanaan *Aged-Friendly City* di Taiping serta penyediaan kemudahan mesra warga emas dan OKU.

3. **Menangani Isu Kesunyian dan Pengasingan Sosial Warga Emas**

Intervensi sosial yang kukuh adalah sangat penting bagi menangani fenomena kesunyian dan pengasingan sosial warga emas, termasuk risiko *lonely death* yang telah berlaku di negara maju. Pengukuhan sokongan keluarga, komuniti setempat dan program interaksi sosial perlu diberi keutamaan.

4. **Memperkasa Ekonomi Penjagaan (Care Economy)**

Ekonomi penjagaan (*care economy*) perlu diperkasakan melalui pembangunan perkhidmatan penjagaan jangka panjang (Long-Term Care, LTC), penglibatan penjaga profesional serta sokongan kepada golongan *sandwich generation* yang memikul tanggungjawab penjagaan warga emas.

5. **Meningkatkan Akses dan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas**

Penambahbaikan kemudahan kesihatan di peringkat daerah, termasuk pengukuhan perkhidmatan rawatan penyakit tidak berjangkit (NCD), penempatan kepakaran perubatan serta penambahbaikan kemudahan pengangkutan awam bagi memudahkan akses warga emas kepada rawatan.

6. **Memperkukuh Perlindungan Sosial dan Keselamatan Kewangan Warga Emas**

Terdapat keperluan bagi memperkukuh perlindungan sosial warga emas melalui skim sedia ada seperti KWSP dan PERKESO, di samping meningkatkan literasi kewangan serta kesedaran terhadap ancaman penipuan dan jenayah kewangan yang semakin menyasarkan warga emas.

7. Memanfaatkan Potensi Warga Emas yang Masih Produktif




Warga emas merupakan aset kepada pembangunan negeri dan mencadangkan pewujudan pangkalan data warga emas yang masih produktif bagi membolehkan sumbangan mereka dalam aspek ekonomi, sosial dan pemindahan ilmu kepada generasi muda atau dikenali sebagai intergenerasi.

8. Memperkukuh Kerjasama Antara Agensi dan Pemegang Taruh



Kerjasama strategik antara kerajaan negeri, agensi persekutuan, institusi akademik, NGO dan komuniti setempat perlu diperkukuh bagi memastikan pelaksanaan dasar dan program warga emas dilaksanakan secara bersepadu, berimpak dan mampan.

7.0 MAKLUM BALAS PESERTA

MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK



MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK





NEGERI PERAK 2025

"Komuniti Mesra Warga Emas : Memperkasa Negeri Perak Menghadapi Warga Menua"





